**Pembangunan luar bandar tidak diabaikan** MS 3

**Sumbangan daftar masuk universiti, apa kata mereka?** MS 15

PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

1 – 15 SEPTEMBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# Laporan Audit Negara 2016

## Prestasi jabatan/agensi Kerajaan Negeri terus kekal jaguh

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Prestasi jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus kekal terbaik dan jaguh berbanding negeri lain di Malaysia dalam Indeks Akauntabiliti sebagaimana dilaporkan dalam Laporan Audit Negara bagi tahun 2016.

**Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melalui kenyataan akhbarnya 20 Ogos lalu turut menzahirkan ucapan tahniah kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.**

**"Diharapkan pengiktirafan ini akan memberi galakan kepada pihak-pihak berkaitan untuk terus berusaha gigih bukan sahaja demi mengekalkan kedudukan cemerlang, sebaliknya memperbaikinya lagi agar semua jabatan dan agensi kerajaan boleh memperoleh prestasi cemerlang lima bintang," katanya.**

**Tambah Guan Eng, hal ini menunjukkan keberkesanan pentadbiran CAT iaitu Cekap, Akauntabel dan Telus Kerajaan Negeri yang membolehkan Pulau Pinang mencatatkan prestasi kewangan cemerlang sejak 2008.**

"Contohnya, lebihan belanjawan dicatatkan setiap tahun, kenaikan rizab aset lebih 100 peratus, pengurangan hutang Kerajaan Negeri sebanyak 90 peratus dan lebihan belanjawan terkumpul sebanyak RM574 juta dalam lapan tahun (2008-2015), berbanding 50 tahun sebelumnya (1957-2007) hanya RM373 juta," katanya.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2016, kata Guan Eng, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti di 10 jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan menunjukkan peningkatan.

"Pada 2016, lapan atau 80 peratus jabatan dan agensi memperoleh tahap cemerlang sebagaimana tahun sebelumnya (2015).

"Manakala, dua atau 20 peratus jabatan dan agensi negeri berada bagi tahap baik bagi 2016 berbanding satu atau 10 peratus (2015), dan satu atau 10 peratus di tahap tidak memuaskan (2015).

"Keadaan berkaitan menunjukkan bahawa jabatan dan agensi negeri telah mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing kepada kedudukan cemerlang.

"Selepas dibandingkan dengan prestasi negeri lain, Pulau Pinang sekali lagi muncul juara seluruh Malaysia," ujar beliau. (Rujuk Lampiran A).

## Indeks Akauntabiliti Malaysia

| | Negeri | Taraf Kecemerlangan (%) | |
|---|---|---|---|
| | | 2015 | 2016 |
| 1. | Pulau Pinang | 80.0 | 80.0 |
| 2. | Kelantan | 72.2 | 75.0 |
| 3. | Pahang | 76.5 | 75.0 |
| 4. | Sabah | 71.4 | 71.0 |
| 5. | Negeri Sembilan | 72.7 | 69.2 |
| 6. | Perak | 61.1 | 55.0 |
| 7. | Terengganu | 61.5 | 50.0 |
| 8. | Johor | 33.3 | 41.7 |
| 9. | Sarawak | 44.4 | 48.1 |
| 10. | Selangor | 35.7 | 43.8 |
| 11. | Kedah | 37.5 | 46.7 |
| 12. | Melaka | 60.0 | 30.8 |
| 13. | Perlis | 57.1 | 37.5 |

Pada 2016, 80.0% jabatan/agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperoleh tahap **Cemerlang**, 20.0% jabatan/agensi Negeri berada pada tahap **Baik**. *(Laporan Ketua Audit Negara 2016).*

LAMPIRAN A.

# Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang disambut meriah

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang disambut meriah dengan penyertaaan daripada pelbagai lapisan masyarakat di Padang Kota Lama di sini 31 Ogos lalu.

Sambutan bertemakan Negaraku Sehati Sejiwa dimulakan dengan pemeriksaan barisan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) oleh Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Sejurus itu, acara diteruskan dengan nyanyian koir lagu NegaraKu dan Untuk Negeri Kita oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Jambul; bacaan ikrar dan Rukun Negara oleh Sahabat Belia Pulau Pinang; deklamasi sajak; persembahan kebudayaan oleh Jabatan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan persembahan memukau tempur tanpa senjata oleh pasukan ATM.

Antara tetamu kehormat yang hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri; para ADUN; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP); Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan ketua-ketua jabatan.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 2,000 rakyat jelata serta pelancong-pelancong asing yang juga tidak melepaskan peluang menyaksikan perarakan tahunan berkaitan.

Sambutan tahun 2017 menyaksikan penglibatan lebih 5,700 anggota dan kakitangan daripada pelbagai agensi, merangkumi 75 kontinjen berjalan kaki serta berkenderaan (13).

*Lagi gambar di muka 28.*




DR. Abdul Rahman Abbas dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.



NYANYIAN kumpulan koir mengiringi upacara menaikkan Jalur Gemilang.




PASUKAN kawad Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



SEBAHAGIAN Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang hadir memeriahkan majlis sambutan.




Oleh : **ME**

# Abai pembangunan luar bandar, lihat fakta sebelum buat tuduhan tanpa asas – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyanggah kenyataan sesetengah pihak bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan kini mengabaikan pembangunan di kawasan luar bandar.

Guan Eng berkata, pihak berkaitan sepatutnya melihat fakta sebenar mengenai pembangunan di Pulau Pinang, sebelum membuat tuduhan tanpa asas sebegitu.

"**Kawasan pulau Pulau Pinang menerima peruntukan pembangunan RM698,006,996.83 (menyamai 23 peratus), manakala Seberang Perai menerima RM2,379,145,953.56 iaitu 77 peratus perbelanjaan pembangunan negeri untuk tempoh 2008 hingga 2016.**

"Mungkin Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) yang lama, mereka (Barisan Nasional, BN) memberikan keutamaan kepada kawasan pulau, tapi Kerajaan Negeri Pakatan, kita berikan lebih (peruntukan pembangunan) di kawasan Seberang Perai yang mana terdapat lebih banyak kawasan luar bandar," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut rekod kewangan negeri, perbelanjaan pembangunan pentadbiran Guan Eng sejak mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2008 hingga 2016 direkodkan berjumlah RM3,077,152,950.39, iaitu 23 peratus (RMRM698,006,996.83) untuk bahagian pulau dan 77 peratus lagi (RM2,379,145,953.56) di bahagian Seberang Perai.

Mengikut pecahan, Guan Eng memberitahu, perbelanjaan pembangunan negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam tempoh sama di bahagian pulau adalah 40 peratus (RM123,624,580.41), manakala 60 peratus lagi (RM182,045,529.59) di bahagian Seberang Perai.

Peratusan perbelanjaan Pembangunan Negeri (JKR, JPS, MBPP dan MPSP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang serta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi Pulau dan Seberang Perai untuk tempoh 2008 hingga 2016 adalah seperti berikut:

| No | Organisasi | Pulau | Seberang Perai | Keseluruhan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pembangunan Negeri (JKR, JPS, MBPP & MPSP) | RM123,624,580.41 (40%) | RM182,045,529.59 (60%) | RM305,670,110.00 (100%) |
| 2 | Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang | RM173,000,000.00 (36%) | RM311,000,000.00 (64%) | RM484,000,000.00 (100%) |
| 3 | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | RM401,382,416.42 (18%) | RM1,886,100,423.97 (82%) | RM2,287,482,840.39 (100%) |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **RM698,006,996.83 (23%)** | **RM2,379,145,953.56 (77%)** | **RM3,077,152,950.39 (100%)** |

**LAMPIRAN A.**

"Perbelanjaan pembangunan negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk bahagian pulau adalah 36 peratus (RM173,000,000), manakala 64 peratus lagi (RM311,000,000) adalah di bahagian Seberang Perai.

"Perbelanjaan pembangunan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk bahagian pulau Pinang adalah 18 peratus (RM401,382,416.42), manakala 83 peratus lagi (RM1,886,100,423.97) adalah di bahagian Seberang Perai," katanya. (Rujuk Lampiran A).

*Rujuk juga muka 6.*

## Kenyataan Menteri bercanggah, Exco persoal kelulusan TP1M sebenar

Gambar : **LAW SUUN TING**

**SUNGAI PINANG** - Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini mengarahkan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk menulis secara rasmi kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri bagi mengetahui status pelaksanaan beberapa projek naik taraf yang menggunakan peruntukan daripada Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Katanya, **pada 19 Ogos lalu melalui berita dalam talian Utusan Online, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar mendakwa bahawa pada tahun ini, Kerajaan Pusat memperuntukkan RM4.4 juta di bawah TPIM untuk menyelenggara enam kawasan perumahan di negeri ini.**

**"Merujuk kepada jawapan bertulis Tan Sri Noh kepada Ketua Menteri baru-baru ini, kita dapati kelulusan TP1M daripada tahun 2016, satu permohonan pun tidak diluluskan untuk negeri Pulau Pinang, walhal keadaan sebenar bukan sahaja Pulau Pinang bahkan lapan negeri juga tidak diluluskan sebarang TP1M.**

**"Jadi apabila saya sebut perkara ini, saya bukan sebut Pulau Pinang sahaja, tetapi saya sebut negeri-negeri lain juga termasuk negeri-negeri di bawah Barisan Nasional (BN) juga seperti Kedah, Sarawak, Perlis, Terengganu dan beberapa lagi.**

"**Adakah TP1M tiada wang lagi?**,"soalnya pada sidang media ketika melawat projek menggantikan lif di Taman Desa Selatan di sini.

Hadir sama, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun dan Pengerusi Badan Pengurusan Taman Desa Selatan, Mohamed Shukor Mohamed Yacob.

Tambah Jagdeep, perkara tersebut penting dan perlu dimaklumkan kepada umum kerana apabila TP1M lulus, Kerajaan Negeri akan membantu penduduk meringankan beban (penduduk) dengan membiayai baki kos 10 peratus bagi rumah kos rendah (KR), dan 30 pertatus bagi rumah kos sederhana rendah (KSR).

"Untuk makluman, TP1M menyediakan dana penyelenggaraan 70 peratus kos bagi KSR dan 90 peratus bagi KR," maklumnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Jagdeep turut mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM243,800 kepada penduduk di Taman Desa Selatan bagi menggantikan sebuah unit lif baharu yang rosak.

"Dari tahun 2013 hingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan 64 projek berkaitan lif yang juga bersamaan RM4 juta," katanya.

Sementara itu, Siew Khim ketika berucap menyatakan bahawa pihaknya bersama-sama Chuan Aun masing-masing menyalurkan RM10,000, manakala penduduk menambah RM28,000 menjadikan kos keseluruhan pembaikan lif berjumlah RM291,800.

Difahamkan kerja-kerja pemasangan akan dimulakan dalam masa terdekat dan siap pada November 2017.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan) sambil diperhatikan Lim Siew Khim (kiri sekali) dan Jeff Ooi Chuan Aun (dua dari kanan) berjabat tangan dengan Mohamed Shukor Mohamed Yacob di hadapan lif yang bakal dinaik taraf pada sesi lawatan khas di sini baru-baru ini.**

# Anak muda pemacu kejayaan negara - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHEAH LAY PING**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng percaya aspirasi kejayaan yang diletakkan kepada anak muda mampu memacu Malaysia ke arah sebuah negara maju 60 tahun akan datang.

Kata beliau, dalam tempoh 60 tahun Merdeka, Malaysia telah berjaya kecapi banyak kejayaan, namun itu masih belum mencukupi.

"Saya percaya, Malaysia boleh buat lebih baik daripada sekarang sekiranya bergantung kepada rakyat biasa dan orang muda... bukan kepada satu dua individu tertentu yang hanya ingin berseronok dan menunjuk-nunjuk.

"Kita juga boleh lihat perubahan Pulau Pinang dalam tempoh lapan, sembilan tahun ini ke arah lebih baik, namun ianya juga masih belum cukup dan perlu lebih baik lagi," ucapnya pada Majlis Perasmian Pinang Fiesta 2017 anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.




**AKSI Ketua Menteri menaiki vespa sambil beramah-mesra dengan anak-anak muda pada penganjuran Pinang Fiesta 2017 di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN persembahan menarik pada penganjuran baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ketua Pegawai Eksekutif PYDC, Teng Kok Liang.

Guan Eng dalam pada itu turut menyeru anak muda agar mengambil contoh kejayaan atlet Malaysia, khususnya dari Pulau Pinang yang berjaya mengharumkan nama negara di Sukan SEA Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Pencapaian kita mencapai 78 peratus kejayaan apabila 55 atlet dari Pulau Pinang, 43 daripadanya memperoleh pingat iaitu 22 emas, perak (7) dan gangsa (14).

"Ini membuktikan bahawa kita bukan jaguh kampung, tetapi jaguh antarabangsa," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut memberikan bayangan bakal meneruskan penganjuran Pinang Fiesta tahun hadapan sekiranya jualan usahawan muda mendapat sambutan menggalakkan.

Difahamkan PYDC dan MBPP memperuntukkan RM62,000 dalam menjayakan fiesta yang berlangsung selama tiga hari berkaitan.

Sebanyak 40 gerai jualan disediakan termasuk jualan makanan dan minuman, pakaian, aksesori, seni kraftangan, buskers serta persembahan artis-artis ternama tempatan.

## Malaysia perlu kembali kepada asas pembentukan negara – Afif

**GEORGE TOWN –** Malaysia memerlukan satu anjakan paradigma atau '*jump start*' dalam membina semula ke arah sebuah negara yang lebih progresif.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, *jump start* yang dimaksudkan beliau bukanlah melahirkan sebuah negara baharu, namun ianya memperbaharui keseluruhan sistem.

"Kita perlukan satu reformasi sistem yang menyeluruh dalam semua agensi, kita bukan hendak buat satu negara baharu... tetapi bentuk dan kembalikan kepada asas pembentukan negara Malaysia seperti ketika permasyhuran kemerdekaan yang pernah dinyatakan oleh Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj," ujarnya pada forum Malaysia Baharu, Apa Anak Muda Mahu yang berlangsung di sini baru-baru ini.



**DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) bersama-sama barisan panelis lain pada penganjuran forum Malaysia Baharu, Apa Anak Muda Mahu di sini baru-baru ini.**

Panelis lain terdiri daripada Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Peguam Hak Asasi Manusia, Syahredzan Johan; Pengendali Pusat Khidmat Rakyat kawasan Seberang Perai Selatan (SPS), Sara Ayuni dan Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Thing Siew Shuen.

Antara isu yang menjadi kupasan adalah seperti perpaduan kaum; perundangan dan perlembagaan; pembangunan kemudahan, kanak-kanak dan remaja serta alam sekitar yang dikendalikan oleh Adam Adli selaku moderator.

Menurut Afif, negara kini ketandusan pemimpin yang berwibawa di peringkat Pusat yang mampu untuk memacu Malaysia ke arah kegemilangan.

"Saya percaya anak muda pada hari ini mahukan kepimpinan yang berwibawa, mahukan pemimpin yang bukan cakap retorik semata-mata, tetapi kita (anak muda) mahukan pemimpin yang mampu selesaikan masalah-masalah rakyat.

"Ini sangat penting dalam pembawakan sebuah negara bangsa yang maju," katanya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Forum yang berlangsung hampir tiga jam itu turut memberi peluang kepada hadirin untuk mengemukakan soalan serta pandangan dalam melahirkan Malaysia Baru sekiranya Pakatan Harapan mampu mengorak langkah ke Putrajaya.

## TDP perkenal *Space Exploration Gallery*, jangka siap Mei 2018

**GEORGE TOWN -** *Tech Dome Penang* (TDP), pusat sains dan penemuan unggul baru-baru ini memperkenalkan galeri baharu, *Space Exploration Gallery* atau Galeri Penerokaan Angkasa Lepas yang dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei tahun hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkannya berkata, galeri tersebut akan memberikan nilai tambah dalam perkembangan sains dan teknologi di negeri ini.

"Ia akan memberikan keseronokan mengembara merentasi alam semesta melalui kapal angkasa terpilih yang bakal diletakkan dalam galeri ini.

"Juga, akan menempatkan saiz sebenar *Eagle Lunar Lander* yang membawa manusia pertama ke bulan sebagai tanda ulang tahun ke-50 pendaratan manusia pertama di bulan pada 1969.

"(Dan) kesemua model-model kapal angkasa termasuk reka bentuk galeri ini akan diterajui oleh PSDC (*Penang Skills Development Centre*) dan beberapa syarikat berkaitan aeroangkasa dan aeronautik" ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri; peneraju projek *Space Exploration Gallery* seperti Penasihat, Dr. A. Darmin dari *National Aeronautics and Space Administration* (NASA); arkitek dari Syarikat Arkitek Permata, Andrew Goh dan Ar. Teng Chiu Chew Ying; jurutera *MEI Project Engineers*, Khor Wei Huat dan pereka model kapal angkasa, Mohd. Hisham Abdul Mutalib serta Tham Kok Kee daripada PSDC.

Turut sama, wakil daripada Persatuan Astronomi Pulau Pinang.

Difahamkan, selain menampilkan kapal angkasa *Eagle Lunar Lander*, galeri berkenaan juga akan menempatkan replika roket *China's Long Rocket*, *International Space Station* (ISS), *Space Shuttle*, *Mars Rover* dan kapal angkasa berusia 40 tahun, *Voyager*.

Kos pelaksanaan projek berkaitan dianggarkan berjumlah RM530,000 dan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

# Taman Botani Pulau Pinang sebagai yang terbaik!

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Ahli botani terkenal negara, Prof. Dr. Saw Leng Guan yang dilantik sebagai kurator Taman Botani Pulau Pinang baru-baru ini diharap dapat membantu memulihara semula Taman Botani tertua di Asia Tenggara di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap pengalaman Leng Guan yang pernah memenangi pingat *Royal Botanic Garden Edinburgh* (RGBE) dapat membantu rancangan Kerajaan Negeri memulihara semula Taman Botani yang ditubuhkan pada 1884, dan kini disenaraikan sebagai Tapak Warisan Semulajadi UNESCO oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Taman Botani Pulau Pinang merupakan (taman botani) yang pertama ditubuhkan di Asia Tenggara, bahkan ia lebih tua daripada taman botani di Singapura.

"Sejak 20 tahun lalu, taman botani ini (Pulau Pinang) telah melalui banyak perubahan.

"Kerajaan Negeri cuba untuk memulihkannya sejak mengambil alih tampuk pemerintahan pada tahun 2008. Namun, kita sedar mencari orang yang benar-benar sesuai dengan alam sekitar adalah sukar... walaupun sebelum ini Taman Botani Pulau Pinang mempunyai tiga pakar dari luar negara.

"Justeru, Kerajaan Negeri berpendapat Taman Botani memerlukan seorang rakyat tempatan yang benar-benar boleh meletakkan komitmen dan dikekalkan dalam jangka waktu panjang," ujarnya selepas mengetuai sesi lawatan ke sini baru-baru ini.

Selain Leng Guan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan turut sertai lawatan tersebut.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa untuk mengembalikan semula kegemilangan Taman Botani, kepakaran dan sumber manusia adalah elemen penting serta berperanan sewajarnya.

"Dengan dua elemen ini, pengunjung dapat menghargai dan memahami kepelbagaian flora dan fauna di Pulau Pinang.

"Kita (Pulau Pinang) memiliki salah satu daripada flora dan fauna kaya di dunia yang terletak di tengah-tengah iklim tropika dengan dikelilingi bukit-bukau dan laut. Ini adalah gabungan yang sangat unik.

"Pulau Pinang bukan sahaja mahu dikenali sebagai lokasi makanan terbaik, tapak warisan dunia, bukit-bukau dan laut, malah juga Taman Botani terbaik," kata beliau.



DR. Saw Leng Guan (kiri sekali), Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan ketika mengadakan lawatan ke Taman Botani di sini baru-baru ini.

## KM gesa Pusat pastikan kerja selenggara Jambatan Pulau Pinang tak jejas aliran trafik

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa Kerajaan Persekutuan segera mengambil langkah wajar bagi melancarkan aliran trafik di negeri ini sepanjang tempoh kerja-kerja penyelenggaraan struktur fizikal Jambatan Pulau Pinang sehingga 21 Ogos tahun depan.

"Trafik sesak bukan sahaja atas jambatan, tapi kesesakan melimpah sampai ke jalan raya pun turut sesak.

"Kita harap Kerajaan Persekutuan ambil langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan ini," serunya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, lambakan kenderaan yang berlipat-kali ganda di negeri ini sebenarnya sebelum kerja-kerja penyelenggaraan jambatan tersebut lagi.

Jelasnya, kesesakan trafik yang begitu teruk patut mendorong Kerajaan Pusat meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan untuk membina terowong bawah dasar laut dari kawasan pulau ke (kawasan) Seberang Perai.

"Kalau ada satu terowong bawah dasar laut untuk menghubungkan Persiaran Gurney (di bahagian pulau) dan Bagan Ajam (di Seberang Perai Utara), betapa baiknya apabila jambatan pertama ada 'masalah', kita ada pilihan lain," katanya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Justeru, Guan Eng menasihatkan pengguna jalan raya terutama dari kawasan selatan pulau supaya memaksimumkan kegunaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (jambatan kedua Pulau Pinang), demi mengurangkan aliran trafik sesak pada waktu puncak di Jambatan Pertama Pulau Pinang.

## MBOR rekod tanam 3,002 'Sakura Malaysia' serentak

**SEBERANG JAYA -** Penanaman 3,002 batang 'Sakura Malaysia' di 13 lokasi sekitar Seberang Perai direkodkan sebagai acara penanaman bilangan pokok renek terbanyak negara, dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR).

Jurnalis Penyelidik MBOR, Muhammad Shukri Hairon Nahar mengesahkan rekod tersebut baru-baru ini di kawasan kolam tadahan bersebelahan Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini.

Sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap program diilhamkan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud itu akan melonjakkan lagi nama negeri terutama Seberang Perai sebagai antara kawasan hijau negara kelak.

"Pokok Tecoma disebut sebagai 'Sakura Malaysia', yang mana bunga akan keluar secara berwarna-warni.

"Sekali lagi kita memecahkan rekod (MBOR), ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri hijau," jelasnya ketika merasmikan Program Penanaman Pokok Tecoma Terbesar di tanah lapang kolam tadahan, bersebelahan Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Seberang Jaya di sini.

Manakala, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pula merakamkan penghargaan kepada semua penaja yang menyumbang kira-kira 5,280 pokok, sungguhpun MPSP mensasarkan 3,000 batang pokok sahaja pada program kali ini.

Selain di sini, Rozali memberitahu, 13 lokasi lain yang turut menyertai program penanaman pokok Tecoma secara serentak pada hari berkenaan adalah di Taman Bagan (Jalan Bagan 45), Taman Riang, Taman Perda Indah, Jalan Sungai Lokan, Rezab Jalan Bulatan Bukit Tengah, Rezab Parit Monsun bersebelahan Masjid Bandar Perda, Taman Tunku (belakang Kompleks Sony), Autocity, Taman Rekreasi Valdor, Taman Belatuk/Taman Bersatu, Taman Seri Bayu dan Bandar Tasek Mutiara (Lorong 12 SS/2 dan Lorong 3 SS/3).

"Program pada pagi ini dianjurkan secara 4P's atau '*Public, Private, People, Partnership*'...kita sasar menanam 3,000 pokok secara serentak sempena menyambut Bulan Kemerdekaan di peringkat MPSP juga.

"Program ini adalah merupakan salah satu program di bawah Keutamaan Yang Di-Pertua (MPSP) bagi mencapai sasaran Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada komuniti dan penaja.




SR. Rozali Mohamud dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod menunjukkan sijil MBOR yang diterima pada acara penanaman bilangan pokok renek terbanyak negara di sini baru-baru ini.

# Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan arkeologi, penjelajahan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHEAH LAY PING**



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama peserta Program Arkeologi Muda pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang bukan sahaja kaya dengan warisan dan kebudayaannya, malah kini ia mula mendapat tumpuan pengkaji sejarah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau optimis bahawa negeri ini mampu menjadi salah satu pusat kecemerlangan arkeologi dan penjelajahan unggul di Malaysia.

"Baru-baru ini di Guar Kepah, Seberang Perai Utara, para pengkaji sejarah telah menemui artifak berusia lebih 5,000 tahun zaman pra sejarah yang dikenali sebagai *Penang Woman*.

"Malah, mereka (pengkaji sejarah) percaya terdapat lebih banyak misteri yang tertanam di kawasan sekitar penemuan mereka.

"Jadi tidak mustahil, selain menjadi pusat warisan dan budaya, Pulau Pinang mampu menjadi pusat kecemerlangan arkeologi dan penjelajahan unggul di Malaysia...mungkin juga di Asia Tenggara," ujarnya ketika berucap merasmikan Program Arkeologi Muda di Fort Cornwallis di sini 26 Ogos lalu.

Projek yang dibiayai *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) merupakan inisiatif bersama Rangkaian Muzium dan Galeri Pulau Pinang (MAGNET) serta disokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Guan Eng berharap orang ramai mengambil peluang yang ada untuk mengenali sejarah awal Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mahu menyuburkan minat khususnya golongan muda terhadap sejarah awal negeri kita.

"(Adalah) penting untuk kita mengenali dan menyayangi negeri kita melalui warisan zaman silam, melaluinya kita akan saling memahami hidup bermasyarakat," tambahnya.

Dalam majlis sama, Guan Eng turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM100,000 kepada GTCDC bagi menyemarakkan lagi projek berkaitan.

Program Arkeologi Muda merupakan inisiatif dalam menggalakkan penyertaan umum dalam sektor warisan dan sejarah di Pulau Pinang.



TAPAK arkeologi di Fort Cornwallis.

# Jajaran LRT 'jauh' ambil kira rancangan pembesaran PIA sendiri - Exco

**GEORGE TOWN –** Jajaran transit aliran ringan (LRT) yang dijarakkan berbanding pelan asal berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) adalah mengambil kira rancangan masa hadapan pembesaran lapangan terbang itu sendiri.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menyatakan sedemikian bagi menjawab kritikan pihak pembangkang Pulau Pinang dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini baru-baru ini.

"Bukan kita tidak mahu membina jajaran LRT dekat dengan terminal lapangan terbang, tapi dalam rundingan dengan Pihak Berkuasa Malaysia Airports, mereka pun ada rancangan untuk pembesaran lapangan terbang (di) Bayan Lepas.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) diminta untuk tidak membuat LRT di jajaran yang asal," jelasnya sambil menunjukkan aspek perubahan rancangan dalam pelan jajaran LRT berwajib.

Tambah Kon Yeow, perubahan pelan jajaran tersebut adalah salah satu komponen projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan (PIP), disediakan oleh rakan pelaksana projek (PPP) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sendiri, iaitu Konsortium SRS.

Difahamkan, respons Kon Yeow itu adalah merujuk pada kenyataan Setiausaha MCA Pulau Pinang dalam laporan *The Star* bertarikh 26 Ogos 2017.

# Dewan bankuet terbesar Seberang Perai di Ampang Jajar

**SUNGAI PUYU -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bakal melaksanakan projek pembinaan Dewan Bankuet Ampang Jajar yang menelan belanja RM42.6 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika menyempurnakan majlis perasmian pecah tanah tersebut di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, dewan yang akan dibina tersebut adalah paling besar di bahagian Seberang Perai.

"Ini (Dewan Bankuet Ampang Jajar) dewan bertaraf lima bintang.

"Saya rasa ini akan lebih cantik daripada Seberang Perai Arena (SP Arena)," jelas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan pada majlis berkaitan.

Katanya, projek tersebut mula dijalankan pada 17 April lepas dan dijangka siap, 19 Januari 2019.

Guan Eng memberitahu, **Kerajaan Negeri sanggup berbelanja lebih untuk memberikan projek pembangunan infrastruktur awam seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai, sungguhpun projek pembinaan Dewan Bankuet Ampang Jajar tersebut tidak akan membawa pulangan pelaburan yang besar berbanding kos pembinaan oleh PDC.**

**Dengan pembinaan projek berkenaan, tambah beliau, sekaligus menunjukkan satu lagi rekod bahawa belanja pembangunan di bahagian Seberang Perai yang mempunyai lebih banyak kawasan luar bandar, adalah lebih diutamakan berbanding bahagian pulau**.

"Sebanyak 77 peratus perbelanjaan pembangunan di Pulau Pinang tertumpu di bahagian Seberang Perai dengan perbelanjaan sebanyak RM2,379 juta.

"Manakala, bagi bahagian pulau pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 23 peratus atau RM698 juta, dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM3,077 juta (sejak tahun 2008) sehingga 2016," ujarnya.

Difahamkan, luas lantai Dewan Bankuet Ampang Jajar mampu memuatkan kira-kira 360 meja makan pada satu-satu masa, selain dilengkapi 600 petak parkir kereta termasuk empat petak letak kenderaan khas untuk orang kurang upaya (OKU), 400 parkir motosikal serta pelbagai kemudahan lain dengan reka bentuk fizikal termoden kelak.

Projek ini, kata Guan Eng, membabitkan luas lantai 16.6 ekar, yang terdiri oleh dua fasa pembangunan.

"Keluasan untuk bangunan bagi dewan ini adalah 192,000 kaki persegi, manakala, fasa dua dengan kawasan seluas 7.15 ekar ditetapkan untuk pembinaan kolam renang bertaraf antarabangsa pada masa hadapan," katanya.

Hampir semua Exco Kerajaan Negeri dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar sertai Majlis Pecah Tanah Projek Dewan Bankuet Ampang Jajar di sini.



ILUSTRASI grafik Dewan Bankuet Ampang Jajar.

# KM puji sokongan sebulat suara penduduk Kampung Sungai Lembu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PENANTI -** Lim Guan Eng melahirkan rasa gembira atas sokongan penduduk Perkampungan Baru Sungai Lembu kepada Kerajaan Negeri, sungguhpun pembangkang Pulau Pinang menyebarkan pelbagai dakyah mengenai operasi sebuah kilang tanpa lesen di sini.

Ketua Menteri itu berkata demikian pada majlis penerangan 'Bersatu Di Permatang Pauh, Mentadbir Di Putrajaya' di Dewan JKKK Permatang Baru Sungai Lembu di sini 26 Ogos lalu.

"Itu (Pengerusi Umno Bahagian Permatang Pauh, Datuk Mohd. Zaidi (Mohd. Said) cuba menangguk di air keruh, datang ke Kampung Sungai Lembu, tak ada seorang pun penduduk kampung keluar berdiri bersama dia.

"Tanpa seorang penduduk pun bersama dia (Mohd. Zaidi) kerana mereka semua orang 'Kak Wan'... sebulat suara penduduk Kampung Sungai Lembu, kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail atau 'Kak Wan'; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon serta Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng




KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon (kiri sekali), Dr. Wan Azizah Wan Ismail (tiga dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta wakil-wakil penduduk Sungai Lembu menunjukkan tanda kesepakatan pada majlis penerangan di sini baru-baru ini.

Wan Azizah sebelum itu mempersoal tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) berhubung sebuah kilang memproses habuk kayu yang beroperasi lebih 10 tahun tanpa lesen di Perkampungan Baru Sungai Lembu.

"Kalau membabitkan pemimpin pembangkang (Pakatan Harapan), cepat sahaja ditahan, tapi apabila melihat 'jerung besar' yang dilaporkan di media-media antarabangsa, tiada tindakan.

"Saya memang nak menegur cara SPRM dalam isu ini," ujarnya yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia.

# Peruntukan RM1.1 juta dalam, baik 3 sungai

**BUKIT TAMBUN -** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang memperuntukkan RM 1.093 juta untuk projek memperdalam dan membaiki Sungai Junjung, Sungai Duri dan Sungai Jawi di sini.

Menurutnya, inisiatif berkaitan mungkin merupakan projek perintis untuk Kerajaan Negeri mendapatkan pulangan hasil royalti daripada kontraktor yang dilantik untuk kerja-kerja pengorekan pasir sungai.

"Sebelum ini, bagi pelaksanaan kerja pengorekan pasir, selain sungai dapat didalamkan, Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa hasil.

"Melalui projek perintis ini, Kerajaan Negeri akan mendapat hasil melalui bayaran royalti setelah kontraktor mendapat kelulusan Permit 4B (Lesen Pendudukan Sementara), dan permit yang disatukan di bawah Bab 3 Kanun Tanah Negara 1965, yang mana permohonan adalah di dalam kontrak," jelasnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Mendalamkan dan Membaiki Sungai Junjung, Sungai Duri dan Sungai Jawi di sini baru-baru ini.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota turut memuji cetusan idea inovatif Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Sabri Abdul Mulok, sehingga menjadi hasil baharu kepada Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri dijangka mendapat hasil melalui skop pengorekan pasir sebanyak RM230,000, melalui korekan 32,000 meter persegi, bersamaan 57,000 tan metrik (pasir).

"Melalui projek perintis ini, saya berharap kaedah-kaedah yang dilaksanakan oleh JPS dan Pejabat Tanah dapat diteruskan, dan memberi pulangan hasil baharu



CHOW Kon Yeow (kanan sekali), Law Choo Kiang (barisan depan, kiri sekali) dan Sabri Abdul Mulok (empat dari kanan) ketika meneliti pelan pelaksanaan pada Majlis Pecah Tanah Projek Mendalamkan dan Membaiki Sungai Junjung, Sungai Duri dan Sungai Jawi di sini baru-baru ini.

kepada negeri ini," ujarnya.

Sebelum itu, Sabri menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf tebing Sungai Duri sepanjang 350 meter (m) menggunakan kaedah tembok *Gabion*; pemasangan cerucuk konkrit sepanjang 100m tebing Sungai Jawi; kerja memperdalam Sungai Junjung adalah melibatkan kerja pengorekan pasir sepanjang 4 kilometer dari Kampung Kuala Tasek hingga Jalan Persekutuan Simpang Empat di sini.

"Melalui projek perintis ini, diharap akan mengurangkan risiko banjir kilat di Kampung Sethu, Sekolah Menengah Agama Ad-Diniyyah, Taman Sungai Duri, Kampung Lima, Kampung Surau dan beberapa lagi kawasan sekitarnya," katanya.

ADUN Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang yang juga Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Illias Masri Abdul Muin turut sertai majlis ringkas tersebut.

# Pulau Pinang tidak sentuh satu inci pun Hutan Simpanan Kekal, kenapa dikritik?

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Jawapan Bertulis Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di Dewan Rakyat Julai lalu sekali lagi menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang langsung tidak 'menyentuh' satu inci pun Hutan Simpanan Kekal dalam tempoh tahun 2006 hingga 2016.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika menyanggah tuduhan beberapa pihak kononnya terdapat aktiviti pembalakan di kawasan hutan simpanan negeri ini.

"Saya berharap pihak yang cuba mempertikaikan komitmen Kerajaan Negeri memelihara dan melindungi Hutan Simpanan Kekal, mereka boleh melihat angka ini," responsnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan mendedahkan jumlah keluasan usahasil dalam Hutan Simpanan Kekal bagi tahun 2006 hingga 2016 adalah sejumlah 411,188 hektar (ha).

Mengikut negeri, katanya luas kawasan usahasil terbesar adalah Pahang sejumlah 135,117 ha, diikuti Kelantan (82,891 ha), Perak (77,010 ha), Terengganu (50,469 ha), Kedah (27,896 ha), Johor (22,969 ha), Negeri Sembilan (10,095 ha), Selangor (4,551 ha) dan Melaka (190 ha). (Rujuk Lampiran A).

Pun begitu kata beliau, laporan statistik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

**Jadual:** Jumlah keluasan usahasil dalam HSK mengikut negeri bagi tahun 2006-2016

| NEGERI | LUAS KAWASAN USAHASIL (HA) |
|---|---|
| Johor | 22,969 |
| Kedah | 27,896 |
| Kelantan | 82,891 |
| Pahang | 135,117 |
| Perak | 77,010 |
| Terengganu | 50,469 |
| Melaka | 190 |
| Negeri Sembilan | 10,095 |
| Selangor | 4,551 |
| **JUMLAH** | **411,188** |

LAMPIRAN A.




LAMPIRAN B.

mengenai keluasan Hutan Simpanan Kekal yang dilesenkan untuk pengusahasilan mengikut status tanah bagi tahun 2006 hingga 2015 berjumlah 544,011 ha. (Rujuk Lampiran B).

Menurut sumber jabatan berkenaan, Guan Eng memberitahu, luas kawasan usahasil terbesar adalah Pahang sejumlah 161,379 ha, diikuti Kelantan (157,919 ha), Perak (74,032 ha), Terengganu (61,741 ha), Johor (38,154 ha), Kedah (32,742 ha), Negeri Sembilan (11,740 ha), Selangor (5,882 ha), Melaka (255 ha) dan Perlis (167 ha).

"Mungkin ada pengeluaran warta Hutan Simpanan Kekal yang tidak dilaporkan kepada Majlis Tanah Negara, maka angka atau statistik ini bercanggah dan berbeza.

"Kedua-dua angka ini menunjukkan Pulau Pinang langsung tidak sentuh walau satu inci pun Hutan Simpanan Kekal di Malaysia," tegasnya sambil menyatakan bahawa beliau akan menulis kepada kementerian berkaitan berhubung perbezaan perangkaan berkaitan.

Selain itu, Jawapan Bertulis Menteri kepada Guan Eng tersebut turut mendedahkan kes-kes pembalakan haram, jumlah tangkapan, kompaun dan ganti rugi di Semenanjung Malaysia dari tahun 2006 hingga 2016.

# Guan Eng kecam pembunuhan umat Islam Rohingya di Myanmar

**PAYA TERUBONG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang digambarkan anti Islam turut mengecam pembunuhan beramai-ramai warga Rohingya di Myanmar.

Atas faktor kemanusiaan, tegasnya, Kerajaan Myanmar sepatutnya berusaha menghentikan anasir pembunuhan etnik atau pengusiran warga Rohingya dari tanah air mereka, yang berlaku sehingga kini.

"Kita mengecam kezaliman yang berlaku ke atas kumpulan Rohingya di Myanmar.

"Ini adalah satu isu kemanusiaan, bukanlah isu agama atau isu kaum.

"Tentulah kita mengharapkan pembunuhan ini dihentikan oleh Kerajaan Myanmar," tegasnya pada sidang media di sini 6 September lalu.



# Laporan lengkap TMP tunggu kelulusan Pusat sahaja, Exco respons PM




**CHOW Kon Yeow menunjukkan peta lokasi tambakan laut dalam negara di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow memberitahu bahawa laporan lengkap Pelan Induk Pengangkutan (PIP) telah dihantar pada 15 Ogos lepas dan menunggu kelulusan jabatan-jabatan teknikal Kerajaan Persekutuan berwajib sahaja.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan terbaru Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Balik Pulau pada 26 Ogos lepas yang memberi jaminan bahawa projek tebus guna tanah bagi membentuk tiga buah pulau buatan di selatan perairan negeri ini tidak akan diluluskan sekiranya menjejaskan kepentingan penduduk dan alam sekitar.

"Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memenuhi segala syarat yang dikenakan ke atas kita, oleh semua jabatan teknikal.

"Dalam DEIA (Laporan Penilaian Terperinci Terhadap Alam Sekitar) ini, kita (Kerajaan Negeri) kemukakan laporan akhir pada 15 Ogos (2017) dan apa yang kita perlu lakukan hanya tunggu kelulusan Pusat sahaja," ujarnya dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini 30 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja penambakan laut di Kedah dalam projek Aman Laut melibatkan 123 ekar; di Perak adalah Projek Bagan Datuk (4,100 ekar) dan Perak Heavy Industrial Park (3,400 ekar); projek Selat PD Tebus Guna dekat Negeri Sembilan (tidak diketahui luas kawasan tebus guna tanah); Melaka Gateaway (1,366 ekar) dan di Johor adalah projek R&F Tanjung Puteri (78 ekar), Danga Bay Waterfront City (2,000 ekar), fasa 2 PTP (tidak diketahui luas kawasan tebus guna tanah), Forest City (3,425 ekar), Tanjung Piai Maritime Industrial Park (3,845 ekar) serta TLP Tebus Guna (tidak diketahui luas kawasan tebus guna tanah).

**"Sebagai contoh, di Kedah, Projek Aman Laut, (kerja-kerja penambakan laut seluas) 123 ekar, tak ada kelulusan DEIA pun, mereka sudah mulakan (kerja) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 15 Mei barulah mengeluarkan Notis Berhenti Kerja pada projek Aman Laut ini.**

**"Tapi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan mungkir janji, selagi tidak ada kelulusan DEIA, kerja-kerja penambakan laut tidak akan dilakukan.**

"Kita nak tanya, adakah semua projek-projek penambakan laut ini tiada impak kepada alam sekitar, tiada impak kepada nelayan dan tiada impak kepada komuniti sosial, mestinya ada.

"Tetapi, DEIA yang dikemukakan akan mencadangkan langkah-langkah mitigasi supaya apabila penambakan dijalankan, impak-impak ini dikurangkan pada paras paling minimum...memberi pampasan kepada nelayan yang terlibat dalam permohonan DEIA kepada Kerajaan Persekutuan," jelasnya sambil merayu Kerajaan Pusat agar lebih adil dengan rancangan pembangunan negeri di Pulau Pinang.

## Pakatan Harapan Pulau Pinang jaga semua rakyat



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain ketika menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Sumbangan Hari Raya Aidiladha dan Majlis Makan Tengah Hari KADUN Penaga di sini baru-baru ini.**

**PENAGA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, beliau tidak lagi kisah difitnah oleh Pengerusi MCA Pulau Pinang, Datuk Tan Teik Cheng, kononnya anti-Cina dan anti-Melayu.

Guan Eng berkata demikian kepada pemberita, selepas berucap serta mengagihkan bungkusan daging mentah halal kepada 300 golongan terpilih sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga, sempena menyambut Hari Raya Aidiladha baru-baru ini.

"Biarkan dia (Teik Cheng) terus memfitnah saya anti-Cina kerana membantu orang Islam.

"Semua sumbangan Emas yang Kerajaan Negeri berikan kepada warga emas, ibu tunggal, pelajar dan sebagainya adalah berdasarkan kelayakan mereka...tidak pernah kita (Kerajaan Negeri) mengambil kira pendirian parti mereka, ataupun bangsa, ataupun agama mereka ketika menyampaikan sumbangan," jelasnya pada Majlis Sumbangan Hari Raya Aidiladha dan Majlis Makan Tengah Hari KADUN Penaga di sini.

Turut berucap, Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lai Hock Peng serta Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohamad Shaipol Ismail.

Difahamkan, acara sumbangan tahunan berupa daging mentah halal kepada golongan terpilih di Penaga dilaksanakan sejak 2015, menjelang perayaan Aidiladha dan Aidilfitri.

Mengulas lanjut, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri akan menggandakan program-program penerangan kepada rakyat khususnya orang Melayu dan umat Islam, untuk menunjukkan wajah sebenar pemimpin Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang yang didakwa rasis itu.

Menurut beliau, peruntukan pembangunan hal ehwal agama Islam di negeri ini sejak tahun 2008 hingga 2016 berjumlah RM457.05 juta, dengan peningkatan kira-kira 100 peratus, berbanding RM249.09 juta dalam tempoh 1999 hingga 2007 ketika Kerajaan Negeri di bawah UMNO BN dahulu.

Mengulas lanjut, Guan Eng melahirkan rasa yakin bahawa majoriti rakyat berbilang kaum di negeri ini kian menyedari politik kebencian dan perkauman yang dimainkan pihak pembangkang Pulau Pinang, menjelang musim Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) belakangan ini.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) jaga semua, baik Melayu, Cina ataupun India, adakah salah?" soalnya.

## Guan Eng kesal Pusat masih belum laksana syarat-syarat penjualan Pelabuhan Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

TMN SERI MENTARI 46150 PETALING JAYA,
SELANGOR
Penjamin 1 : GUNALAN A/L RANGASAMY - 48070207****
41 JALAN BAYAN KECIL 14300
NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : AHMAD JAAFAR BIN ABD RAHMAN - 56042008****
424 KAMPUNG TITI TAMPANG, JALAN
KILANG GULA, CHUPING 02500 KANGAR, PERLIS

No Akaun : 2602
Peminjam : CHOO ANNE ANNE - 72012110****
A16-09 BLOCK A, USJ ONE AVENUE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH USJ 1,
47600 SUBANG JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : CHU AH POW - 42062608****
A16-09 BLOK A, USJ ONE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH, USJ 1,
47610 SUBANG JAYA SELANGOR
Penjamin 2 : ANG ENG THANG - 71042807****
12A JALAN SELAYANG INDAH, TAMAN SELAYANG INDAH 13020 BUTTERWORTH

No Akaun : 2976
Peminjam : LEE YEE WOOI - 72032907****
NO. 14 LORONG CERMAI 7, TAMAN CERMAI
13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : OOI OH CHIN - (MENINGGAL DUNIA)
6798 JALAN MELUR, JALAN RAJA UDA,
12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LEE BAK NGOH - 39081408****
19 MEDAN MELUR SELATAN, 12300 BUTTERWORTH

# Terima cabaran perbaiki Jalan Negeri, harap Persekutuan lakukan perkara sama – KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**KEADAAN Jalan Negeri dari Komtar ke Sekolah Tinggi Chung Ling yang begitu ketara baik adalah kerana diselenggara cekap oleh Kerajaan Negeri.**

**BUTTERWORTH –** Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri jika hendak dibandingkan dengan Jalan-jalan Persekutuan sememangnya ketara lebih baik, namun Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang bersedia menerima cabaran untuk memperbaikinya.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika diajukan soalan oleh pemberita berhubung cakap-cakap pemimpin pembangkang Pulau Pinang mengenai Jalan-jalan Negeri pun ada banyak yang berlubang seperti Jalan-jalan Persekutuan.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri bukan sahaja bersedia memperbaiki jalan-jalan di bawah kawalannya, malah ia akan dilakukan secepat mungkin.

"Saya difahamkan, kebanyakan daripada jalan-jalan ini berlubang disebabkan kerja-kerja yang dilakukan oleh syarikat-syarikat utiliti.

"Apabila mereka memasang paip-paip dan sebagainya, mereka terpaksa menampal semula jalan-jalan tersebut... itu sebablah kualiti kerja tampal balik yang dilakukan tidak berapa baik.

"Dan perkara ini, kita (Kerajaan Negeri) hanya sedar selepas menerima aduan orang ramai, ia bukannya berlubang dengan sendirinya" kata Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan selepas Majlis Penyerahan Cek kepada Chee Wee Khor Uplifting Society di sini 11 September lalu.

Dalam pada itu, Guan Eng turut berharap Kerajaan Persekutuan dapat melakukan perkara sama, dan tidak bersikap 'sepi' walaupun aduan telah dibuat.

"Tak apa, kita sedia terima cabaran dan perbaikinya... tapi diharap Kerajaan Persekutuan boleh juga sama-sama memperbaikinya, bukan bersikap seperti sekarang... kita buat aduan tapi dia (Kerajaan Persekutuan) tetap tidak buat.

"Contoh paling ketara adalah Jalan Air Itam iaitu dari Komtar ke Sekolah Tinggi Chung Ling yang begitu ketara elok, tapi selepas sekolah tersebut jalan teruk.

"Inilah perbezaan di antara Jalan-jalan Negeri dan Jalan-jalan Persekutuan. (Bagaimanapun), kita alu-alukan mana-mana aduan termasuk daripada parti pembangkang untuk membuat maklum balas jika ada Jalan-jalan Negeri yang rosak supaya kita boleh cepat mengambil tindakan," ujarnya.

Tambah Guan Eng, laluan satu lorong Jambatan Pulau Pinang yang ditutup untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan jalan di Solok Relau 1 (berhadapan Kompleks Sukan MBPP) ekoran kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan bukanlah di bawah kawalan Kerajaan Negeri.

Sementara itu, pada sidang media sama, Guan Eng turut menyatakan kekesalannya berhubung kenyataan dikeluarkan Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang bahawa perkhidmatan feri kini telah pun berubah dan baik.

"Saya pun tak tau macam mana berubah... perkhidmatan masih teruk juga kerana setiap kali turun ke Butterworth, saya terima aduan.

"Kita lihat perkhidmatan teruk, tapi (Datuk) Tan Teik Cheng (Pengerusi Pelabuhan Pulau Pinang merangkap Pengerusi MCA Negeri) cakap ia baik. Biarlah rakyat yang melihat sendiri dan menilainya," tegas beliau.



**SALAH satu contoh Jalan Persekutuan.**

## Revolusi Industri 4.0, syarikat Jerman minat jalin kerjasama dengan IKS tempatan

**GEORGE TOWN -** Sebuah syarikat terkemuka Jerman, *Bavaria International* (Bavaria) baru-baru ini menyatakan hasrat untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat daripada sektor industri kecil dan sederhana (IKS) di negeri ini.

Jalinan kerjasama tersebut termasuk usaha memacu ke arah Revolusi Industri 4.0, khususnya dalam bidang elektrik dan elektronik (E&E), semikonduktor, perkhidmatan, automotif dan pembuatan.

Pengarah investPenang (iP), Dato' Lee Kah Choon berkata, syarikat Bavaria bukan sahaja berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat-syarikat IKS tempatan, malah juga sedia berkongsi pengalaman dalam penjenamaan produk agar mencapai tahap antarabangsa.

"Syarikat-syarikat IKS di negeri ini boleh mengambil peluang untuk menghasilkan produk yang bertaraf antarabangsa serta bermutu tinggi, dan bukannya hanya menjadi 'jaguh kampung' sahaja di laman sendiri.

"Ini sekaligus membolehkan kita (Pulau Pinang) memperoleh manfaat inovasi dan teknologi menerusi jalinan kerjasama dengan Bavaria.

"Lagipun di Pulau Pinang, kita menawarkan tenaga kerja mahir dan juga mampu mengadaptasi perubahan-perubahan yang berlaku di peringkat global," ucapnya pada Bengkel Industri Bavaria 4.0 dekat sini 25 Ogos lalu.

Hadir sama, dua pakar dari Jerman iaitu Pengarah Technical Univercity of Munich (TUM) International, Daniel Gottschald dan Ketua Pegawai Eksekutif Bavaria, Hans-Joachim Heusler.

Turut serta, Pengerusi Penasihat Pengurusan TAPiO, Bernhard Schutte.

Dalam pada itu, Kah Choon memberitahu, bengkel yang dianjurkan bersama-sama syarikat Bavaria berkenaan adalah amat penting dalam usaha memacu penyertaan Pulau Pinang dalam Revolusi Industri 4.0.

"Penggunaan inovasi dan teknologi baharu dari Jerman ini mampu meningkatkan produktiviti di samping meningkatkan daya saing syarikat tempatan di persada global.

Difahamkan, Jerman adalah satu daripada pelabur asing terpenting di Malaysia dalam kalangan negara Kesatuan Eropah dengan menyumbang sebanyak RM31.21 bilion nilai pelaburan sehingga tahun 2016.

Revolusi Industri 4.0 adalah membabitkan penggunaan teknologi tinggi dalam pembuatan dan perkongsian data yang mampu meningkatkan kualiti sesuatu produk.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!
TANPA CAGARAN & PENJAMIN
PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG
SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan
RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH
MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN
HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Kompleks Kerajaan tidak terkecuali penguatkuasaan dasar asing sisa di punca

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN -** Kompleks Kerajaan tidak terkecuali dalam operasi penguatkuasaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang dilaksanakan Unit Pengurusan Sisa Pepejal Bahagian Kerajaan Tempatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ketua Unitnya, Oon Lai Kuan menegaskan bahawa Kerajaan Negeri telahpun memberikan masa lebih setahun sejak 1 Jun 2016, untuk semua premis melaksanakan amalan itu, sebelum penguatkuasaan dilaksanakan bermula pada 1 Jun lepas.

"Apabila penguatkuasaan telah dijalankan, mana-mana premis yang tidak melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca akan dikenakan tindakan kompaun termasuk premis-premis kerajaan," katanya dalam sesi Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca bagi Kompleks Institusi dekat Parlimen Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Justeru menurut Lai Kuan, premis-premis kerajaan boleh mengambil inisiatif untuk melantik koordinator pengasingan sisa di punca dan perkhidmatan pemungut barangan kitar semula.

"Dengan berbuat demikian, jabatan-jabatan terlibat dapat memaksimakan pengumpulan sisa kitar semula dan menjana pendapatan daripada hasil penjualan sisa tersebut.

"Adalah diharapkan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dapat menjalankan dasar ini bagi mengurangkan penghasilan sampah dan memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah sedia ada," jelasnya.

Sesi taklimat khas itu turut disertai Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang, Mohamad Shoki Hamzah dan beberapa pegawai daripada balai bomba negeri.



OON Lai Kuan (kanan) menyerahkan kotak pengumpulan barangan kitar semula untuk kegunaan ruang pejabat kepada Mohamad Shoki Hamzah selepas sesi Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca bagi Kompleks Institusi di sini baru-baru ini.







# Kerajaan Negeri komited sedia prasarana ikut piawaian, berkualiti

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **CHEAH LAY PING**

**SUNGAI PINANG –** Kemudahan gelanggang futsal yang menepati piawaian kini dapat dinikmati warga Sungai Pinang.

Hasil inisiatif Kerajaan Negeri di bawah dasar 'satu KADUN, satu gelanggang futsal', ia diharap dapat memberi galakan dan menarik minat lebih ramai peminat sukan tersebut untuk beriadah menggunakan kemudahan yang disediakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis perasmiannya baru-baru ini berkata, sukan bukan sahaja untuk menjaga kesihatan semata-mata, malah juga mampu memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat setempat.

"Pembinaan gelanggang ini menelan kos sebanyak RM134,170.38. Diharap, ia dapat digunakan sebaik-baiknya demi manfaat bersama," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Terdahulu, Guan Eng melancarkan Piala Tertutup YB ADUN Sungai Pinang. Sebanyak 16 pasukan berentap dalam pertandingan tersebut.

Menurutnya, adalah menjadi amalan Kerajaan Negeri memastikan bahawa semua prasarana dan kemudahan yang disediakan adalah mengikut piawaian dan kualiti ditetapkan.

"Saya diberitahu bahawa kontraktor yang ditugaskan untuk membina gelanggang ini pada mulanya gagal memenuhi standard yang ditetapkan.

"Tetapi, di atas ketegasan ADUN kawasan (Siew Khim), ianya telah siap pada bulan Jun lalu apabila kontraktor telah digesa untuk memenuhi semua standard yang ditetapkan.

"Kita mahukan kualiti kerja yang baik," kata Guan Eng.




**KETUA Menteri, Lim Siew Khim (berkemeja putih), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para peserta bergambar kenangan bersempena pertandingan Piala Tertutup YB ADUN Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

## Sukan SEA 2017, KM bangga pencapaian atlet Pulau Pinang

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini merakamkan penghargaan kepada barisan atlet Pulau Pinang yang berjaya menyumbang 22 pingat emas, perak (14) dan gangsa (7) kepada skuad kebangsaan Malaysia dalam temasya Sukan SEA Ke-29 2017 di Kuala Lumpur.

"Atlet Pulau Pinang yang menyertai skuad kebangsaan seramai 55 orang, dan menyumbang 43 pingat kepada Malaysia.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) tentunya berasa bangga dengan pencapaian semua atlet, khususnya dari Pulau Pinang.

"Syabas kepada semua atlet yang telahpun mengharumkan nama Malaysia, khususnya ketika kita menyambut Ulang Tahun Ke-60 Hari Kebangsaan," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

## KN hasrat bina kompleks badminton bertaraf antarabangsa di pinggir bandar raya

**SUNGAI PINANG -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyatakan hasrat membina kompleks sukan bertaraf antarabangsa yang terdiri daripada 12 gelanggang badminton di pinggir bandar raya George Town.

Beliau dalam pada itu turut mencadangkan pembinaan 200 petak parkir awam empat tingkat di atas tanah lapang sama berkeluasan 1.7 ekar milik Kerajaan Negeri, berhampiran laut dan hilir Sungai Pinang di sini.

"Kosnya dianggarkan kira-kira RM35 juta, tetapi tentulah ia perlu dirangka oleh MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan beberapa pihak.

"Ini, masih peringkat cadangan sahaja, kita (Kerajaan Negeri) mesti mendapatkan pandangan Ahli Parlimen (Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun) serta ADUN (Sungai Pinang, Lim Siew Khim) di sini juga.

"Di sini, kita (Kerajaan Negeri) nak buat macam (Kompleks Sukan MBPP) dekat Relau sana...kita nak buat dekat dengan bandar raya kerana ada yang cakap tiada kompleks sukan berdekatan bandar raya," jelasnya kepada pemberita di sini.

Sebelum itu, Guan Eng bersama-sama Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Siew Khim dan Chuan Aun meninjau kawasan parkir penduduk pangsapuri Desa Pinang 2 di sini.



**LOKASI yang dihasratkan Ketua Menteri untuk membina kompleks sukan bertaraf antarabangsa.**

# Salam Aidiladha

**IBADAH** korban merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Tujuannya adalah sebagai amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia telah disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Dalil pensyariatannya sabit dengan al-Quran dalam surah al-Kauthar ayat 2 dan surah al-Hajj ayat 36. Hukumnya adalah sunat yang sangat dituntut (sunat muakkad). Ibadah ini dilakukan oleh umat Islam di seluruh dunia setiap tahun apabila tibanya 'Aidiladha; atau Hari Raya Korban pada 10 Zulhijjah dan Hari-hari Tasyrik, iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah.

Pada setiap tahun, umat Islam seluruh negeri Pulau Pinang akan mengadakan program ibadah korban bagi kawasan masing-masing.

Program seperti ini adalah bagi menghidupkan sunnah Nabi Ibrahim A.S., dapat mendidik jiwa ke arah takwa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

"Tiada suatu amalan pun yang dilakukan oleh manusia pada Hari Raya Korban, lebih dicintai oleh Allah SWT selain dari menyembelih haiwan korban. Sesungguhnya haiwan korban itu nanti di hari kiamat akan datang berserta tanduk-tanduknya, bulu-bulunya, kuku-kukunya dan sesungguhnya sebelum darah korban itu menyentuh tanah, pahalanya telah diterima di sisi Allah, maka beruntunglah kamu semuanya dengan pahala korban itu". (HR. Tirmidzi dan Ibn Majah).



**TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) dan isteri pada sambutan Aidiladha di Masjid Negeri.**



**IBADAH korban yang dijalankan di Taman Tunas Damai Sungai Tiram Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung. Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negerinya, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (tengah, berbaju Melayu putih).**



**UMAT Islam sedang melapah daging di Masjid Titi Teras, Balik Pulau.**



**AHLI Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Ismail (tiga dari kanan) diiringi anaknya dan ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menyantuni hadirin di salah sebuah masjid di kawasannya pada sambutan Aidiladha baru-baru ini.**




**BUNGKUSAN daging yang sedia untuk diedarkan.**

# RM500,000 naik taraf jeti kelip-kelip Nibong Tebal



KEADAAN jeti kini.



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri), Soon Lip Chee (kiri sekali), Ir. Rosnani Mahmod (kanan sekali) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain ketika mengadakan lawatan ke jeti kelip-kelip dekat Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**JAWI -** Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Tebatan Banjir bersetuju menyalurkan dana sebanyak RM500,000 bagi menaik taraf jeti kelip-kelip dekat Jalan Pasar Lama, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini.

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow ketika mengetuai lawatan kerja-kerja naik taraf struktur jambatan konkrit berkenaan baru-baru ini.

"Atas permintaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membina semula dan menaik taraf jambatan konkrit (jeti kelip-kelip) di sini yang menjadi tarikan kepada orang ramai.

"Selain itu, kerja-kerja pengindahan jambatan dan jeti sepanjang 100 meter, ini termasuk juga membaiki platform serta kerja-kerja pengindahan jeti... saya difahamkan jeti dan jambatan ini juga merupakan tarikan utama kepada kaki-kaki pancing udang," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.

Turut menemani beliau, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP, H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shiuan serta Penolong Pengarah (Pengurusan Banjir) Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP), G. Yogendren.

Kon Yeow dalam pada itu turut memaklumkan kemajuan pembinaan semasa bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) lembangan Sungai Kerian yang kini telah siap 97.8 peratus, dengan baki membabitkan kerja-kerja membina struktur penahan banjir bagi bandar Nibong Tebal.

"Pada tahun 2012, kajian RTB dijalankan berkenaan banjir yang sering melanda di Jalan Teluk Ipil serta kawasan setempat sebelum projek dimulakan dan kini hampir siap," jelasnya.

Yogendren dalam pada itu memberitahu, projek naik taraf dan membaiki jeti kelip-kelip dengan pembinaan tebing baharu di kawasan sungai (65 meter) dijangka bermula November ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang April 2018.

"Kita (JPSPP) dapati terdapat hakisan dasar sungai mencecah lima meter dan mengancam struktur-struktur di tebing Sungai Kerian.

"Malah, kita (JPSPP) juga kenal pasti tiga buah rumah menerima ancaman daripada hakisan dasar sungai yang terjadi di sini," ujar beliau.




PELAN pelaksanaan projek.





MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'


## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Sept. | 23 | Bayan Lepas | Machang Bubok | 24 | Batu Uban | Pinang Tunggal |
| Okt. | 30 | Komtar | Pmtg Berangan | 1 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| | 7 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 8 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 14 | Teluk Bahang | Penaga | 15 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 21 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 22 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 28 | Padang Kota | Bukit Tambun | 29 | Batu Maung | Perai |
| Nov. | 4 | Air Putih | Bagan Jermal | 5 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 11 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 12 | Pulau Betong | Berapit |
| | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| Dec. | 2 | Batu Uban | Machang Bubok | 3 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |

# 80% pokok seliaan MBPP sihat, kata Pengarah Jabatan Landskap

**PADANG KOTA -** Bagi mendapatkan status maklumat berkenaan pokok di seluruh kawasan seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Landskap pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit kini giat melaksanakan inventori terhadap lebih 10,000 pokok teduhan (di bahu jalan) bagi tahun 2017 di sini.

Menurut Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, kerja-kerja melaksana, mengurus serta menyiapkan data inventori, penilaiaan risiko pokok dan penilaian ekonomi pokok (PTE) sebenarnya telah dimulakan sejak 2013.

"Justeru, pelaksanaan kerja-kerja ini juga adalah sebagai salah satu keperluan sokongan Perintah Pemeliharaan Pokok (Bahagian V(A) Akta 172) di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976).

"Hingga kini, sebanyak 4,200 pokok telah diinventori dan pada 2017, sebanyak 6,000 pokok lagi akan diinventori bermula pada suku keempat tahun yang sama (2017).

"Ini adalah penting bagi mengenal pasti jenis pokok, bilangan, lokasi dan kedudukan, saiz, status kesihatan semasa serta keperluan penyelenggaraan untuk setiap pokok selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bersih, hijau, sihat dan selamat," katanya pada sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bil. 08 Tahun 2017 dekat Dewan Bandaraya, Padang Kota di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis bagi MBBP dan Pengarah Jabatan Landskap MBPP, Nor Rezan Sulaiman.

Dalam pada itu, menurut Nor Rezan, dalam menjayakan inisiatif berkaitan, MBPP telah mewujudkan sistem PeTIS (*Penang Tree Informatin System*) yang menyediakan platform penyimpanan data inventori pokok dalam satu pengkalan data secara sistematik dan selamat.

"Sistem ini juga menyediakan peta pokok berdigital bagi menunjukkan lokasi pokok atau kelompok (pokok) yang tertakluk kepada Pemerintah Pemeliharaan Pokok," jelasnya.

Tambah Nor Rezan, difahamkan, hasil inventori awal mendapati bahawa 80 peratus pokok seliaan MBPP berada dalam keadaan sihat, baki 20 peratus memerlukan penjagaan dan perhatian khas.

"Jumlah 20 peratus itu adalah melibatkan pokok yang lazimnya berusia 80 hingga 100 tahun ke atas," ujar beliau.



**NOR Rezan Sulaiman.**

## Taman Grafiti kanvas anak muda lakar karya



**SEKUMPULAN anak-anak muda mengekspresikan daya kreativiti masing-masing bersempena penganjuran Program Mengecat Tembok Grafiti di sini baru-baru ini.**

**KANVAS LAKARAN...** Panel-panel dinding membabitkan kawasan seluas 750 kaki yang didirikan dekat Taman Grafiti di sini menjadi kanvas buat anak-anak muda menunjukkan bakat lakaran masing-masing.

Dinding-dinding membabitkan kos RM150,000 tersebut adalah inisiatif bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kelab Rotary Tanjung Bungah dalam membasmi serta membendung kegiatan vandalisme kini.

Menurut Pensyarah Kanan Unit Guru Jabatan Bahasa Inggeris, Institut Pendidikan Malaysia Kampus Pulau Pinang, R. Letchumiprabah, selepas dinding-dinding tersebut siap dilakar, ia akan diserahkan kepada pihak pengurusan MBPP.

"Selepas tiga bulan, dinding-dinding panel ini akan dicat putih semula bagi memberi laluan dan ruang kepada pertubuhan, sekolah ataupun persatuan lain melakarkan karya mereka," jelasnya yang ditemui pada Program Mengecat Tembok Grafiti di sini baru-baru ini.

Bertemakan sambutan Kemerdekaan negara, sejumlah pelajar dari Institut Pendidikan Guru (IPG) kampus Pulau Pinang menunjukkan bakat reka corak masing-masing, yang kemudiannya diterjemahkan di atas tembok bercat kapur.

Taman Grafiti merupakan salah satu tarikan di Taman Bandaraya sejak tahun 2012.



**SALAH seorang peserta melakarkan imej rama-rama bermotifkan Jalur Gemilang.**

## Catur Dalam Taman, riadah sambil nikmati keindahan alam




**SEBAHAGIAN peserta cilik yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Catur Dalam Taman di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Seramai 149 peserta mengambil bahagian dalam Pertandingan Catur Dalam Taman Tahun 2017 yang diadakan di Taman Bandaraya di sini baru-baru ini.

Pertandingan anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama Persatuan Catur Negeri Pulau Pinang tersebut dibahagikan kepada empat kategori iaitu Kategori Terbuka, Bawah 12 Tahun, Bawah 10 Tahun dan Bawah 8 Tahun.

Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin berkata, pertandingan tersebut akan diteruskan setiap tahun bagi mempromosi serta memperluaskan permainan catur di peringkat negeri Pulau Pinang dan kebangsaan.

"Tujuan utama penganjuran ini adalah bagi membolehkan para peserta menikmati suasana dan keindahan di dalam Taman Bandaraya selain menjalankan aktiviti riadah seperti permainan catur dan aktiviti-aktiviti lain.

"MBPP sentiasa menyokong dan memberi komitmen kepada pelbagai aktiviti riadah khususnya di Pulau Pinang," ujarnya ketika menyampaikan ucapan perasmian pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengerusi Persatuan Catur Negeri Pulau Pinang, Lee Ewe Ghee.

# Pertubuhan Penduduk Komuniti Kepala Gajah johan Anugerah Komuniti Mampan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Impian untuk menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya rendah karbon menjelang tahun 2022 hanya mampu direalisasikan menerusi amalan kitar semula dan pengurangan penghasilan sampah.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu, amalan kitar semula bukan lagi suatu acara khas, sebaliknya harus dijadikan amalan gaya hidup seharian.

"Kitar semula perlu dilakukan setiap hari... bukan lagi pada acara-acara atau majlis tertentu sahaja, dan perkara utama yang perlu dilakukan oleh komuniti Seberang Perai khususnya adalah dalam mengurangkan penghasilan sampah.

"Perkara ini sahaja mampu merealisasikan impian menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya rendah karbon kelak," ucapnya pada Majlis Penyampaian Anugerah Komuniti Mampan 2016-2017 dekat Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian hadiah, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan




**CHOW Kon Yeow, Sr. Rozali Mohamud dan Ir. Rosnani Mahmod bergambar kenangan bersama-sama wakil-wakil Pertubuhan Penduduk Komuniti Kepala Gajah yang muncul sebagai johan Anugerah Komuniti Mampan 2016-2017 di sini baru-baru ini.**

Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Turut hadir, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod, Ahli-ahli Majlis MPSP dan Pengurus Amphenol TCS Bukit Minyak, Datuk Lee Tiong Lee.

Rozali dalam pada itu menyambut baik peningkatan jumlah penyertaan daripada 13 komuniti kepada 21 komuniti sejak anugerah tersebut dilancarkan pada tahun 2013.

Pada majlis tersebut, Pertubuhan Penduduk Komuniti Kepala Gajah, Seberang Perai Selatan (SPS) berjaya menggondol hadiah utama bernilai RM3,000.

Tempat kedua dimenangi Perbadanan Pengurusan Taman Pandan dengan hadiah bernilai RM2,500 dan Rukun Tetangga Taman Keenways (tempat ketiga, RM2,000).

Manakala, bagi Kategori Inovasi Khas dimenangi oleh Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad dengan hadiah bernilai RM700 dan 11 pertubuhan serta komuniti lain masing-masing menerima RM500 sebagai hadiah sagu hati.

Dalam pada itu, Pengerusi Pertubuhan Penduduk Komuniti Kepala Gajah, Tan Chor Soon ketika ditemui berkata, program *upcycle* sememangnya menjadi penekanan penting bagi pertubuhan tersebut.

"Menerusi program ini, kami mengguna semula bahan-bahan terbuang khususnya paket minuman segera (*3 in 1*) dan menganyamnya menjadi beg dan sebagainya.

"Jika sebelum ini banyak lambakan bahan terbuang, tetapi kini di komuniti Kepala Gajah, kami giat mempelajari seni *upcycle* mengubah barangan terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu yang boleh digunakan," jelas beliau kepada Buletin Mutiara ketika ditemui pada majlis berkaitan.

## Pembinaan rumah contoh perlu ikut garis panduan baharu

**PADANG KOTA -** Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini meluluskan garis panduan bagi bilik pameran, rumah contoh, pejabat jualan dan bangunan sementara dengan had maksimum ketinggian 13.5 meter atau tidak melebihi tiga tingkat.



**NUR Zarina Zakaria.**

Perkara tersebut dinyatakan Ahli Majlis bagi MBPP, Nur Zarina Zakaria pada satu sidang media sejurus Mesyuarat Biasa Majlis Bil. 08 Tahun 2017 dekat Dewan Bandaraya, Padang Kota di sini baru-baru ini.

"Kita harap agar pemaju dan kontraktor jelas tentang keputusan ini yang mana sebelum ini tiada sebarang garis panduan dalam menyediakan rumah contoh dan yang sama dengannya.

"Kita tidak mahu terjadi sebarang implikasi seperti rumah tersebut dijual terus kepada orang ramai tanpa pengisytiharan kepada pihak MBPP.

"Justeru, jawatankuasa memutuskan garis panduan ini sebagai wajib kepada pemaju yang mendirikan contoh," jelasnya.

Tambah Nur Zarina, rumah contoh dan rumah sebenar adalah berbeza terutamanya dari segi kebenaran merancang, bayaran dan undang-undang yang ditetapkan MBPP.

## Pengecualian, tiada syarikat insurans sedia polisi perlindungan - Ahli Majlis

**PADANG KOTA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini menetapkan pengusaha basikal sewa di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dikecualikan daripada mengambil polisi insurans pelindungan penyewa basikal.

Mengulas lanjut, Ahli Majlisnya, Ong Ah Teong berkata, pengecualian tersebut adalah kerana setakat ini tiada syarikat insurans menawarkan polisi servis sebegitu.

Tambah beliau, langkah pengecualian itu juga mengambil kira rayuan para pengusaha basikal sewa kepada MBPP sebelum ini.

"Setelah dikaji dan disiasat, memang kita (MBPP) dapati tiada satu pun syarikat insurans yang menyediakan perlindungan insurans, terutamanya kepada pelancong yang menyewa basikal daripada pengusaha-pengusaha terlibat.

"Jadi, kita (MBPP) bersetuju untuk tidak mewajibkan perkara tersebut seperti yang kita (MBPP) syaratkan sebelum ini," katanya pada satu sidang media sejurus tamat Mesyuarat Biasa Majlis Bil. 08 Tahun 2017 dekat Dewan Bandaraya, Padang Kota di sini baru-baru ini.

Susulan itu, Ah Teong memberitahu, MBPP bersetuju mengekalkan kadar biasa bagi lesen perniagaan sewaan basikal pada kadar biasa RM240 setahun.

"Sebelum ini, kita (MBPP) memberi cadangan lesen perniagaan basikal dinaikkan.

"Namun, mereka (pengusaha) merayu agar dikenakan kadar biasa memandangkan ianya bukanlah satu perniagaan yang menjana keuntungan yang besar," jelasnya.



**ONG Ah Teong ketika berlangsungnya Mesyuarat Biasa Majlis Bil. 08 Tahun 2017 dekat Dewan Bandaraya, Padang Kota di sini baru-baru ini.**

# Naik taraf longkang Jalan Makloom atasi banjir kilat

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**DATUK KERAMAT** – Longkang sepanjang 100 meter (m) di Jalan Makloom bakal dinaik taraf demi meningkatkan keupayaan menampung lambakan air, sekaligus mengurangkan lagi risiko banjir kilat.

Bercakap kepada pemberita, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, projek penarafan tersebut mengambil kira sebahagian Jalan Makloom yang berada di kawasan rendah.

"Kerja-kerja naik taraf yang akan dijalankan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) termasuklah membina satu *box culvert* dengan saiz 1,500 milimeter (mm) x 1,050 mm sepanjang 100 m, memasang pam berkapasiti lima liter sesaat dan pintu air bagi mengeluarkan air dari kawasan ini.

"Untuk makluman, selain dari kawasan ini, langkah-langkah jangka masa pendek dan sederhana juga sedang dilaksanakan di beberapa kawasan lain sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat. Ini termasuk kerja-kerja naik taraf parit di Kampung Makam dan tempat-tempat yang dikenal pasti," ujarnya ketika melawat tapak projek di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Jurutera Jabatan Kejuruteraan MBPP, Mohd. Nasrul Nizam Nasri serta beberapa anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Nasrul Nizam memberitahu, fungsi *box culvert* akan menakung lebihan air hujan di sekitar Jalan Makloom, sebelum disedut keluar oleh pam ke longkang Jalan Che Rose.

"Tanpa pemasangan, pam air tidak boleh keluar dengan sendirinya memandangkan di sini adalah kawasan yang rendah.

"Kita jangka projek akan bermula pada (bulan) Januari 2018 dan selesai pada Jun tahun hadapan.

"Tentang kos, kita tidak dapat nyatakan di sini kerana sekarang masih di peringkat penyediaan dokumen tender dan lukisan," jelasnya.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) dan barisan pegawai berkaitan ketika melakukan lawatan tapak projek di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN longkang di Jalan Makloom yang bakal dinaik taraf.**

## SJKC Kheng Tean terima 5 komputer riba baru

**BATU LANCHANG** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang baru-baru ini menyerahkan lima komputer riba bernilai RM10,000 kepada pentadbiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kheng Tean di sini.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Pelancongan memberitahu bahawa sumbangan unit-unit komputer riba itu adalah susulan permohonan daripada pentadbir sekolah untuk kegunaan pelajar.

"Kita (Pusat Khidmat Batu Lanchang) tahu bahawa sekolah ini perlu meningkatkan kemudahan asas untuk kegunaan pelajar.

"Oleh yang demikian, kami cuba sedaya-upaya untuk membantu sekolah ini," ujarnya pada majlis penyampaian sumbangan tersebut di Pusat Khidmat Rakyat ADUN Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Justeru, Heng Kiang berharap sumbangan tersebut dapat dimanfaatkan oleh pelajar bagi meningkatkan kemahiran teknologi maklumat, bersesuaian dengan era digital masa kini.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SJKC Kheng Tean, Chong Khim Hai.




**LAW Heng Kiang (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan komputer kepada wakil SJKC Kheng Tean di sini baru-baru ini.**

## Sumbangan RM20,000 galak pergerakan pertubuhan sukarela luar bandar

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini menyampaikan sumbangan insentif masing-masing berjumlah RM10,000 kepada dua pertubuhan sukarela dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang.

Wakil penerima adalah Pengerusi Persatuan Bomba Sukarela Kuala Sungai Pinang, Lim Chye Seng dan Pengerusi Persatuan Bomba Sukarela Kuala Jalan Baru, Thor Joo Leong.

"Sumbangan ini adalah untuk menggalakkan pergerakan pertubuhan sukarela di kawasan pedalaman," jelasnya pada sidang media di sini.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR) Cabang Balik Pulau, Dato' Abdul Halim Hussain merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng atas pemberian insentif sumbangan itu.

Hadir sama, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Parlimen Balik Pulau, Zolkifly Md. Lazim serta beberapa anggota kedua-dua pertubuhan sukarela berkenaan.

Dalam pada itu, Chye Seng dan Joo Leong mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri di atas sumbangan berkaitan.

"Ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri kerana sudi menderma untuk pasukan bomba sukarela kami.

"Sumbangan ini amat berguna kepada kami terutamanya untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat," kata Chye Seng pada majlis sama.



**LIM Chye Seng.**

# Salur RM20,000 atasi banjir kilat kawasan Pangsapuri Seri Saujana

**BATU UBAN** - Kerajaan Negeri membelanjakan kira-kira RM20,000 memasang empat unit pengepam air bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Pangsapuri Seri Saujana, Sungai Dua di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan berkata, peruntukan tersebut adalah atas inisiatif bersama antara Timbalan Ketua Menteri I (TKMI) serta Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir dalam mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut.

"Terima kasih diucapkan kepada Dato' Mohd. Rashid Hasnon (TKMI) dan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir) di atas peruntukan yang diusahakan ini.

"Semenjak pemasangan pam-pam tersebut siap Julai lalu, ia telah berfungsi sepenuhnya, yang mana telah beberapa kali 'menyelamatkan' kawasan ini daripada dilanda banjir," ujarnya ketika mengadakan lawatan pengoperasian pam berkenaan baru-baru ini.

Tambah Jayabalan, ketinggian paras banjir di sini boleh mencecah sehingga lima kaki tinggi dan mampu menenggelamkan sebuah kereta.

"Menurut penduduk, jika hujan lebat berlaku, dalam tempoh tidak sampai sejam kawasan Seri Saujana boleh dinaiki air," jelasnya.

Jayabalan yang mengetuai lawatan tersebut bersama-sama beberapa pengamal media turut ditunjukkan cara pengoperasian pam tersebut sebaik sahaja air memenuhi aras pelampung yang dipasang.

Difahamkan, seunit pam tersebut mampu menyedut kira-kira 400 liter air seminit. Setakat ini, hanya tiga unit pam dipasang, manakala unit keempat akan dipasang dalam tempoh masa terdekat.



DR. T. Jayabalan (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke lokasi pam di sini baru-baru ini.

CONTOH pam air yang dipasang.

## Kutip wang secara haram, ADUN gesa polis segera tangani

**JAWI** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee memberitahu bahawa pihaknya menerima aduan mengenai pihak tertentu secara haram mengutip wang ke atas lori yang menggunakan jalan rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dari Batu Kawan ke Changkat di sini.

Justeru, beliau menggesa pihak polis supaya segera mengambil tindakan lanjut ke atas dalang terbabit.

"Pemandu lori kena bayar sebulan RM200 kepada orang yang kutip secara haram, sedangkan Kerajaan Negeri atau MPSP tidak pernah mengamalkan atau melantik mana-mana pihak untuk mengutip duit sebegini ke atas pemandu lori.

"Jadi, saya minta pihak polis segera ambil tindakan," tegasnya dalam sidang media pada 26 Ogos lalu di sini.

Dua ahli majlis bagi MPSP, Jason H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shiuan serta dua pemimpin pemimpin komuniti setempat lain turut sertai sidang media tersebut.

Tegas Lip Chee lagi, imej integriti Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang serta Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan turut terjejas sekiranya sindiket terbabit tidak segera ditangani polis.

## Gunting rambut percuma untuk penduduk DUN Air Itam

**SETIAP TIGA BULAN SEKALI...** Kira-kira 100 penduduk Desa Mawar dan kawasan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Itam menikmati khidmat gunting rambut secara percuma baru-baru ini.

Penganjuran kali kedua yang memperoleh sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat adalah hasil inisiatif Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Thean Teik dan kedai pendandan rambut, *Hair Story*.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berkata, seramai 35 tukang gunting rambut profesional dibawa bagi menjayakan program amal tersebut.

"Program ini dijalankan setiap tiga bulan sekali secara percuma.

"Penganjuran kali ini bukan sahaja menerima penyertaan memberangsangkan, malah buat julung kalinya turut memperoleh sambutan daripada golongan wanita berbangsa Melayu.

"Bagi menjaga privasi (wanita berbangsa Melayu), pihak penganjur menyediakan satu ruang ditutup dengan kain khas untuk kemudahan mereka," jelasnya.



WONG Hon Wai (berkemeja putih) beramah-mesra dengan salah seorang penduduk yang hadir mendapatkan khidmat gunting rambut percuma di sini baru-baru ini.



KEPELBAGAIAN kaum dan bangsa yang menjadikan Malaysia sebuah negara unik serta kaya dengan budaya.




DR. Abdul Rahman Abbas, Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



# Sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 Peringkat Negeri Pulau Pinang





SEBAHAGIAN persembahan menarik yang dipersembahkan.



*POSE* menarik salah sebuah keluarga yang mencuri tumpuan lensa Buletin Mutiara.



AKSI pasukan ATM berlatarbelakangkan Jalur Gemilang.



PASUKAN pancaragam sekolah yang turut mengambil bahagian.




TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (tengah) serta isteri sambil memegang Jalur Gemilang dan bendera Negeri bergambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain.



KERETA perisai yang menarik perhatian para pengunjung.